

# Pembenihan awan pulih paras air dua empangan

**NUSAJAYA 16 Sept.** -

Operasi pembenihan awan yang dijadual dilakukan hujung bulan ini diharap dapat memulihkan paras bekalan air di Empangan Sungai Layang dan Empangan Sungai Lebam yang mencatatkan jumlah air di bawah paras kritikal sejak sebulan lalu.

Menteri Besar, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin berkata, operasi tersebut penting bagi mengatasi masalah kekurangan bekalan air melibatkan seluruh kawasan Pasir Gudang dan beberapa kawasan di Johor Bahru.

“Penjadualan bekalan air yang dilaksanakan sejak bulan lalu telah dapat membantu meningkatkan paras bekalan air, namun penggunaannya masih perlu dikawal.

“Penduduk yang terjejas diharap bersabar dan sentiasa mengamalkan penggunaan air secara berhemat, khususnya ketika mengalami masalah kekurangan bekalan,” katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Operasi pembenihan air yang akan dijalankan itu membolehkan hujan turun di kawasan tadahan air, sekali gus mengembalikan kestabilan paras air empangan terlibat.

Tambah kenyataan itu, Syarikat Air Johor Holdings Sdn. Bhd. (SAJ) dijangka memulakan kerja-kerja pemindahan air dari Sungai Tiram ke Sungai Johor bermula 1 Oktober ini bagi memastikan bekalan air mentah stabil.

Katanya, kerajaan negeri juga sedang mengkaji untuk menghentikan pengagihan bekalan air berjadual selama tiga hari bermula 23 September ini, bagi penggunaan penduduk menghadapi perayaan Aidiladha dan cuti sekolah.